UNTUK SIARAN NEGARA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

RM500 RIBU DIPERUNTUKKAN KEPADA KAMPUNG PANGGAS KECIL SEBAGAI KAMPUNG ANGKAT MADANI KPN

KANGAR, 1 November – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperuntukkan sebanyak RM500 ribu bagi kerja-kerja menaik taraf dan membangunkan Kampung Panggas Kecil, Kangar sebagai Kampung Angkat MADANI KPN. Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha, KPN.

Skop pelaksanaan projek pembangunan di Kampung Panggas Kecil merangkumi beberapa komponen utama seperti yang berikut:

i. Menaiktaraf surau Kampung Panggas Kecil seperti penggantian bumbung, struktur bangunan dan tandas, pendawaian elektrik, penyaman udara dan sistem audio visual;
ii. Pembinaan dewan/balai terbuka termasuk pembinaan stor dan kelengkapan peralatan memasak;
iii. Membaik pulih pagar, membina kabin penyimpanan barang serta menaik taraf stor di kawasan kubur (hulu dan hilir);
iv. Penyediaan Kabin Skim Rondaan Sukarela (SRS);
v. Membaik pulih empat buah rumah asnaf terpilih; dan
vi. Pemasangan 40 unit lampu solar beserta tiang dengan kerjasama Pusat TVET, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

YBhg. Dato' Haslina berkata, "Pelaksanaan projek Kampung Angkat MADANI KPN pada tahun ini membawa kelainan yang sangat signifikan dan tidak terhad kepada penyaluran dana semata-mata, sebaliknya KPN turut memeterai kerjasama strategik bersama UniMAP.

Tambah beliau, **kaedah pelaksanaan *On Job Training* (OJT) telah dipraktikkan dalam pelaksanaan projek-projek fizikal di Kampung Panggas Kecil ini melalui kepakaran teknikal, kejuruteraan, dan kemahiran TVET** daripada tenaga pengajar serta pelajar UNIMAP. Kerjasama ini merupakan salah satu bentuk inovasi sosial dan tadbir urus silang agensi yang diperlukan dalam pemerkasaan agenda TVET negara".

Projek Kampung Angkat MADANI telah diperkenalkan bertujuan untuk merapatkan jurang infrastruktur dan menaik taraf kelestarian sosioekonomi penduduk di kawasan luar bandar. Inisiatif ini turut **menyediakan platform untuk membina kerjasama positif antara kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat setempat dalam mencapai matlamat pembangunan negara melalui pendekatan *Whole of Government*.**

Kementerian Perpaduan Negara
1 November 2026
KPN.100-9/1/16 (87)

MALAYSIA MADANI